

## ATURAN-ATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA (KOMPOSISI KESALAHAN), 2016

### PENGENALAN

Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016 [*Road Traffic (Composition of Offences) Rules, 2016*] adalah pindaan kepada Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Penyelesaian Kesalahan-Kesalahan), 1967 [*Road Traffic (Compounding of Offences) Rules, 1967*] yang telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2016. Aturan ini telah bermula berkuatkuasa pada **01 Januari 2014**.

Pindaan Aturan berkenaan adalah **bertujuan** untuk memudahcara dan mengurangkan keskes saman yang dibawa ke mahkamah, selaras dengan inisiatif [*Ease of Doing Business – (Alternatives to Court)*] bagi meningkatkan kapasiti mahkamah untuk menyelesaikan keskes lain.

### KESALAHAN-KESALAHAN KOMPAUN

Dengan adanya Aturan ini beberapa kesalahan-kesalahan saman yang sebelum ini tidak dapat di kompaun menjadi kesalahan-kesalahan yang boleh di kompaun. Sebanyak **92 kesalahan lalu lintas** yang boleh ditawarkan kompaun (46 kesalahan daripadanya adalah kesalahan yang dikenakan saman sebelum ini) telah dimasukkan di dalam Aturan-Aturan Lalu Lintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016. Kesalahan-kesalahan berkenaan telah dikenalpasti sebagai kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan oleh pengguna jalan raya.

Sebanyak **38 kesalahan lalu lintas**, kadar denda kompaunnya telah disemak semula dan mula berkuatkuasa pada **01 Februari 2017**, seperti dalam **Jadual 1**. Kadar denda kompaun yang sudah ditetapkan adalah jauh lebih rendah dari hukuman denda yang dijatuhkan oleh Mahkamah tertakluk kepada fakta kes.

Manakala bagi **kesalahan-kesalahan yang lain**, yang sebelum ini dikenakan saman tetapi telah boleh di kompaun, pada masa ini kadar denda kompaun yang akan dikenakan sebanyak B\$50.

Berikut adalah penjelasan mengenai terminologi kesalahan Saman dan Kompaun;

- \* **Kesalahan Saman** ialah perintah kepada orang yang kena saman untuk hadir ke Mahkamah. Bagi kesalahan saman yang tidak boleh di kompaun, kehadiran di Mahkamah adalah diwajibkan untuk menjawab tuduhan. Jika sabit kesalahan, hukuman akan dijatuhkan oleh Mahkamah.

**Saman akan dikeluarkan** bagi pesalah-pesalah berikut;

- i. gagal hadir ke Ibu Pejabat Polis atau mana-mana balai polis yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun;
  - ii. gagal membuat pembayaran dalam tempoh 14 hari;
  - iii. memberikan apa-apa maklumat palsu atau mengelirukan.
- \* **Kesalahan Kompaun** ialah tawaran denda kepada pesalah untuk membayar denda lebih awal dalam tempoh selama **14 hari** untuk mengelak dari hadir ke Mahkamah. Tetapi jika tarikh kompaun telah tamat, tindakan saman akan diambil kepada pesalah dan dikehendaki hadir ke Mahkamah.

Kesalahan Kompaun boleh ditawarkan denda kompaun tidak kurang **B\$50** dan tidak melebihi **B\$500** mengikut jenis-jenis kesalahan yang dilakukan sebelum kes tersebut dibawa ke Mahkamah.

Kesalahan-kesalahan yang memang **sebelum ini ditawarkan kompaun** tetapi telah dikemaskinikan kadar denda kompaunnya adalah seperti berikut;

1.	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan sehingga 30 km/jam
2.	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 30 km/jam sehingga 40 km/jam
3.	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 40 km/jam
4.	Memandu kenderaan tanpa kebenaran pemilik
5.	Kenderaan ditinggalkan tanpa mematikan enjin dan/atau brek tidak dipasang yang boleh menyebabkan kenderaan bergerak dan membahayakan
6.	Tidak mematuhi tanda-tanda lalu lintas atau lampu trafik
7.	Memandu kenderaan dengan tayar botak / nampak benang
8.	Membawa penumpang dengan kenderaan yang tidak dibenarkan
9.	Gagal memasang lampu depan kenderaan antara matahari terbenam dan matahari terbit
10.	Memasang lampu merah di bahagian depan kenderaan
11.	Memasang lampu putih di bahagian belakang kenderaan selain daripada lampu “reverse”
12.	Lampu tidak dipasang dengan betul yang membahayakan
13.	Memasang lampu-lampu warna lain selain warna putih di depan kenderaan
14.	Tidak meletakkan kenderaan di sebelah kiri jalan raya pada waktu gelap

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

15.	Tidak mematuhi garis dan tanda lalu lintas jalan raya
16.	Gagal memberi laluan kepada kenderaan ambulans, bomba atau polis
17.	Memotong di tempat yang menyebabkan bahaya
18.	Meletak kenderaan secara membahayakan atau di tempat yang tidak dibenarkan
19.	Berhenti di petak kuning dan menghalang laluan trafik
20.	Kenderaan dengan lebih muatan
21.	Gagal memberi laluan kepada pejalan kaki yang menggunakan atau mula menggunakan lintasan pejalan kaki
22.	Gagal memperlakukan kenderaan ketika menghampiri lintasan pejalan kaki

Kesalahan-kesalahan **Saman** sebelum ini **ditukar kepada kesalahan Kompaun** yang telah dikemaskinikan kadar denda kompaunnya adalah seperti berikut;

1.	Memandu tanpa Lesen Kenderaan (road tax) yang sah
2.	Memandu tanpa Lesen Memandu yang sah/memandu menggunakan lesen memandu yang mansuh atau membenarkan seseorang yang tidak ada lesen yang sah memandu kenderaan
3.	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu
4.	Menggunakan kenderaan persendirian untuk tujuan perniagaan tanpa lesen atau permit yang sah
5.	Memandu kenderaan komersial atau kenderaan pengangkutan awam melebihi had maksima penumpang yang dibenarkan
6.	Memandu kenderaan komersial atau pengangkutan awam tanpa Sijil Kelayakan yang sah
7.	Kenderaan yang tidak mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya / kenderaan yang diubahsuai
8.	Kenderaan dengan <i>spring</i> yang diubahsuai
9.	Kenderaan yang dipasang dengan cermin atau plastic gelap atau tirai yang tidak ada kebenaran semasa kenderaan dipandu di jalan raya
10.	Kenderaan yang tiada pemantul cahaya belakang atau rosak (rear reflector)
11.	Memandu kenderaan yang tidak layak dari keselamatannya
12.	Muatan jatuh dari kenderaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain
13.	Kenderaan yang tidak sesuai dari segi struktur digunakan bagi tujuan lain dan boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya lain

14.	Membawa muatan melebihi panjang kenderaan
15.	Tidak memakai topi keledar atau tidak memakai topi keledar dengan betul
16.	Kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar atau Kegagalan pemandu memastikan penumpang di tempat duduk hadapan memakai tali pinggang keledar
17.	Memandu kenderaan dengan kanak-kanak tidak dipasang tali pinggang keledar
18.	Gagal berhenti sebelum sampai di lintasan sekolah

Antara **kesalahan-kesalahan yang kerap** dilakukan ialah;

- a) memandu melebihi had laju yang ditetapkan;
- b) menggunakan telefon bimbit semasa memandu '*hand-held & texting*';
- c) kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar atau kegagalan pemandu memastikan kanak-kanak memakai tali pinggang keledar;
- d) tanpa lesen kenderaan (cukai jalan) yang sah;
- e) memandu tanpa lesen memandu yang sah;
- f) tidak berhenti semasa lampu isyarat merah telah menyala;
- g) membuat *u-turn* bukan tempat *u-turn*;
- h) tayar botak dan tidak berkualiti;
- i) membawa berat muatan berlebihan dan membawa barang yang bahaya / berguguran bagi kenderaan komersial;
- j) kenderaan yang dipasang dengan cermin atau pelekat gelap atau tirai yang tidak ada kebenaran.

**Contoh Pertama** – kesalahan yang kerap dilakukan ialah **melebihi had laju** atau '*speeding*'. Kadar denda kompaun yang sedia ada bagi kesalahan ini ialah B\$50 bagi pemandu yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan. Di bawah kadar-kadar kompaun yang telah dikemaskini, pesalah boleh didenda seperti berikut;

Bagi kesalahan **Pertama**, pemandu yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan tidak melebihi 30 km/jam ialah sebanyak B\$50. Maknanya, jika had laju jalan raya berkenaan ditetapkan 100 km/jam (contoh Lebuhraya Muara-Tutong) dan pemandu itu memandu pada kelajuan 120 km/jam, maka kadar denda kompaun bagi kesalahan pertama pemandu itu ialah B\$50. Setiap kesalahan berikutnya akan ditambah dendanya sebanyak B\$100;

Bagi kesalahan **Kedua**, jika pemandu itu didapati memandu dengan kelajuan 120 km/jam di atas jalan raya yang had lajunya 100 km/jam, kadar denda kompaun dikenakan ialah sebanyak B\$150;

Bagi kesalahan **Ketiga**, kadar denda ialah sebanyak B\$250 dan seterusnya sehingga tidak melebihi denda maksima B\$500 sebelum pemandu itu boleh dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan dengan kadar denda yang akan lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

**Contoh Kedua** – pemandu gagal memasang lampu depan kenderaan antara matahari terbenam dan matahari terbit. Di bawah kadar-kadar kompaun yang telah dikemaskinikan;

Bagi kesalahan **Pertama**, denda sebanyak B\$200;

Bagi kesalahan **Kedua**, denda B\$300;

Bagi kesalahan **Ketiga**, denda B\$500 dan

Bagi kesalahan **Keempat**, pemandu boleh dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan dengan kadar denda yang lebih tinggi lagi jika sabit kesalahannya.

## **MEMBAYAR DENDA KOMPAUN**

a) Faedah

- i. Jika pembayaran kompaun telah dibuat, tidak ada prosiding mahkamah akan diambil terhadap pesalah di atas kesalahan lalu lintas berkenaan dan tidak ada sabitan kesalahan mahkamah.

b) Akibat

- i. Jika tidak membayar kompaun, prosiding mahkamah akan diambil dan pesalah disabit kesalahan, hukuman akan dijatuhkan oleh Mahkamah yang mana pesalah boleh dikenakan denda yang lebih tinggi jumlahnya daripada jumlah denda kompaun dan penggantungan lesen memandu tertakluk kepada fakta kes.
- ii. Gagal membayar denda Mahkamah, waran tangkap akan dikeluarkan dan boleh dihukum penjara.

## **CARA MEMBAYAR DENDA KOMPAUN**

Pembayaran kompaun hendaklah dibuat dalam tempoh **14 hari** dari tarikh tawaran untuk mengkompaun dibuat dengan bayaran secara tunai sahaja (buat masa ini) kepada pegawai polis atau orang yang diberi kuasa untuk menerima pembayaran berkenaan.

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

Pembayaran boleh dibayar di tempat-tempat berikut;

- Ibu Pejabat Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL), Gadong
- Cawangan JSKLL Kuala Belait
- Di mana-mana balai Polis dan
- Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Gadong

**TEMPAT-TEMPAT KAUNTER PEMBAYARAN SAMAN TRAFIK**

TEMPAT	HARI	WAKTU	
		PAGI	PETANG
<b>IBU PEJABAT</b> Jabatan Siasatan & Kawalan Lalulintas, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan	<b>Isnin – Khamis &amp; Sabtu</b>	<b>8:00 pagi – 4:30 petang</b>	
	<b>Jumaat</b>	<b>8:00 – 11:00</b>	<b>–</b>
<b>CAWANGAN</b> Jabatan Siasatan & Kawalan Lalulintas, Batu 3, Jalan Maulana, Kuala Belait			
<b>DAERAH POLIS BRUNEI / MUARA</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Balai Polis Pusat</li> <li>2) Balai Polis Berakas</li> <li>3) Balai Polis Muara</li> <li>4) Balai Polis Sengkurong</li> <li>5) Balai Polis Limau Manis</li> <li>6) Balai Polis Kg Ayer</li> </ol>			
<b>DAERAH POLIS TUTONG</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Balai Polis Tutong</li> <li>2) Balai Polis Lamunin</li> </ol>	<b>Isnin – Khamis &amp; Sabtu</b>	<b>8:00 hingga 11:00</b>	<b>2:00 hingga 4:00</b>
<b>DAERAH POLIS BELAIT</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Balai Polis Kuala Belait</li> <li>2) Balai Polis Seria</li> <li>3) Balai Polis Sg Liang</li> <li>4) Balai Polis Labi</li> </ol>			
<b>DAERAH POLIS TEMBURONG</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Balai Polis Bangar</li> </ol>			
<b>IBU PEJABAT</b> Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan			<b>–</b>
1) Perkhidmatan Kaunter No. 8			

## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQs)

- i) Apakah yang perlu dibuat jika pesalah diberikan surat tawaran kompaun?

**Jawapan:** Apabila surat tawaran kompaun (Polis 214) telah diterima oleh pesalah, pembayarannya hendaklah dibuat dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

- ii) Bagaimana untuk menyelesaikan denda kompaun?

**Jawapan:** Pesalah hendaklah membawa surat tawaran kompaun (Polis 214) ke kaunter pembayaran di tempat Ibu Pejabat Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL) Gadong, Cawangan JSKLL Kuala Belait, di mana-mana balai Polis atau Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Gadong, untuk membuat pembayaran denda kompaun berkenaan. Segala pembayaran denda kompaun dibuat, satu resit pembayaran (Polis 213) akan dikeluarkan.

- iii) Apakah tindakan yang akan diambil jika tidak menyelesaikan denda kompaun dalam masa 14 hari?

**Jawapan:** Jika pesalah tidak menyelesaikan denda kompaun dalam masa yang telah ditetapkan, kes kesalahan lalu lintas berkenaan akan diproses untuk tindakan saman dan dikehendaki untuk hadir ke Mahkamah.

- iv) Bagi kes-kes saman yang telah ditukar kepada kesalahan kompaun sejak 01 Januari 2014, berapakah denda kompaun sebelum berkuatkuasanya kadar denda baru pada 01 Februari 2017?

**Jawapan:** Kesalahan lalu lintas yang berlaku sebelum 01 Februari 2017, denda kompaun yang akan dikenakan adalah sebanyak B\$50.

- v) Bagaimana hendak mengetahui jika kes-kes saman yang telah ditukar kepada kesalahan lalu lintas yang boleh di kompaun belum selesai sejak 01 Januari 2014?

**Jawapan:** Orang ramai bolehlah menghubungi Ibu Pejabat, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL), Gadong melalui talian telefon 2459500 sambungan 452.

- vi) Bagaimana seseorang hendak mengetahui jika ada kes-kes kompaun yang belum diselesaikan olehnya?

**Jawapan:** Orang ramai bolehlah menghubungi Ibu Pejabat, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL), Gadong melalui talian telefon 2459500 sambungan 452.

Pengguna-pengguna jalan raya adalah dinasihatkan supaya sentiasa bertanggungjawab dalam mematuhi undang-undang lalu lintas jalan raya serta sentiasa memupuk sikap kewaspadaan, menggunakan kebijaksanaan serta bertolak ansur semasa memandu bagi mengurangkan kemalangan yang melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa di jalan raya. Tanggungjawab ini termasuklah menjelaskan denda-denda kompaun yang telah dikenakan dan masih tertunggak.

Maklumat lanjut mengenainya boleh diperolehi melalui laman web Pasukan Polis Diraja Brunei [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) dan untuk pertanyaan bolehlah menghubungi di talian **2459500** sambungan **452**.

**KADAR DENDA KOMPAUN BAGI  
KESALAHAN-KESALAHAN TERTENTU DI BAWAH  
ATURAN-ATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA  
(KOMPOSISI KESALAHAN), 2016**

**J A D U A L 1**

BIL.	JENIS KESALAHAN	BAB / ATURAN	KADAR DENDA KOMPAUN BAGI KESALAHAN PERTAMA	KADAR DENDA KOMPAUN BAGI KESALAHAN KEDUA DAN BERIKUTNYA
<b>AKTA LALU LINTAS JALAN RAYA, PENGGAL 68</b>				
1.	Memandu tanpa Lesen Kenderaan (road tax) yang sah	8(1)	<b>\$100</b>	Ke-2:\$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
2.	Memandu tanpa Lesen Memandu yang sah/memandu menggunakan lesen memandu yang mansuh atau membenarkan seseorang yang tidak ada lesen yang sah memandu kenderaan	16	<b>\$50</b>	Ke-2:\$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
3.	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu	29A	<b>\$200</b>	Ke-2: \$400 Ke-3: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
4.	Menggunakan kenderaan persendirian untuk tujuan perniagaan tanpa lesen atau permit yang sah	56	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
5.	Memandu kenderaan komersial atau kenderaan pengangkutan awam melebihi had maksima penumpang yang dibenarkan	72(3)	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
6.	Memandu kenderaan komersial atau pengangkutan awam tanpa Sijil Kelayakan yang sah.	76(1)	<b>\$200</b>	Ke-2: \$300 Ke-3: \$500 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
7.	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan sehingga 30 km/jam	24	<b>\$50</b>	Setiap kesalahan berikutnya akan ditambah dendanya sebanyak \$100
	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 30 km/jam sehingga 40 km/jam		<b>\$100</b>	

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

	Memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih dari 40 km/jam		<b>\$150</b>	
8.	Memandu kenderaan tanpa kebenaran pemilik	36(2)	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4:\$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
9.	Kenderaan ditinggalkan tanpa mematikan enjin dan/atau brek tidak dipasang yang boleh menyebabkan kenderaan bergerak dan membahayakan	37	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
10.	Tidak mematuhi tanda-tanda lalu lintas atau lampu trafik	39(1)	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah

**PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA, PENGGAL 68**

11.	Kenderaan yang tidak mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya / kenderaan yang diubahsuai	3	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
12.	Kenderaan dengan <i>spring</i> yang diubahsuai	11	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
13.	Kenderaan yang dipasang dengan cermin atau plastic gelap atau tirai yang tidak ada kebenaran semasa kenderaan dipandu di jalan raya	18	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
14.	Kenderaan yang tiada pemantul cahaya belakang atau rosak (rear reflector)	24	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
15.	Memandu kenderaan yang tidak layak dari keselamatannya	26	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
16.	Muatan jatuh dari kenderaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain	27	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
17.	Kenderaan yang tidak sesuai dari segi struktur digunakan bagi tujuan lain dan	28	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

	boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya lain			Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
18.	Membawa muatan melebihi panjang kenderaan	29	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
19.	Memandu kenderaan dengan tayar botak/ Nampak benang	31	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
20.	Membawa penumpang dengan kenderaan yang tidak dibenarkan	40	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
21.	Gagal memasang lampu depan kenderaan antara matahari terbenam dan matahari terbit	104	<b>\$200</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
22.	Memasang lampu merah di bahagian depan kenderaan	106	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
23.	Memasang lampu putih di bahagian belakang kenderaan selain daripada lampu “reverse”	107	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
24.	Lampu tidak dipasang dengan betul yang membahayakan	108	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
25.	Memasang lampu-lampu warna lain selain warna putih di depan kenderaan	109	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
26.	Tidak meletakkan kenderaan di sebelah kiri jalan raya pada waktu gelap	112	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
27.	Tidak mematuhi garis dan tanda lalu lintas jalan raya	134	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

28.	Gagal memberi laluan kepada kenderaan ambulans, bomba atau polis	147A	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
29.	Memotong di tempat yang menyebabkan bahaya	148	<b>\$100</b>	Ke-2: \$300 Ke-3: \$500 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
30.	Meletak kenderaan secara membahayakan atau di tempat yang tidak dibenarkan	149(2)	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
31.	Berhenti di petak kuning dan menghalang laluan trafik	152A	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
32.	Kenderaan dengan lebih muatan	161	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah

**PERATURAN-PERATURAN MOTORSIKAL (TOPI KELEDAR), 1977**

33.	Tidak memakai topi keledar atau tidak memakai topi keledar dengan betul	4	<b>\$100</b>	Ke-2: \$300 Ke-3: \$500 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
-----	---	---	--------------	--

**PERATURAN-PERATURAN KENDEREAAN BERMOTOR  
(TALI PINGGANG KELEDAR), 1988**

34.	Kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar atau Kegagalan pemandu memastikan penumpang di tempat duduk hadapan memakai tali pinggang keledar	8(1)	<b>\$150</b>	Ke-2: \$300 Ke-3: \$500 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
-----	---	------	--------------	--

**PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA  
(LINTASAN PEJALAN KAKI), 2002**

35.	Gagal memberi laluan kepada pejalan kaki yang menggunakan atau mula menggunakan lintasan pejalan kaki	5	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
36.	Gagal memperlahangkan kenderaan ketika menghampiri lintasan pejalan kaki	6	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500

**JABATAN SIASATAN DAN KAWALAN LALULINTAS**

				Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
<b>PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA (TALI PINGGANG KELEDAR BAGI KANAK-KANAK), 2004</b>				
37.	Memandu kenderaan dengan kanak-kanak tidak dipasang tali pinggang keledar	4	<b>\$50</b>	Ke-2: \$150 Ke-3: \$300 Ke-4: \$500 Ke-5: Boleh dihadapkan ke Mahkamah
<b>PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN RAYA (PENJAGA LINTASAN SEKOLAH), 2006</b>				
38.	Gagal berhenti sebelum sampai di lintasan sekolah	8	<b>\$100</b>	Ke-2: \$200 Ke-3: \$400 Ke-4: Boleh dihadapkan ke Mahkamah